

Zaman Khan

UM 31/10/2003 - 5 PRECISE

Pernah diarah pantau Dr. Mahathir

Oleh SYAHRIL A. KADIR

TAHUN 1969, Dr. Mahathir Mohamad yang bertanding bagi kerusi Parlimen Kota Star Selatan tewas dalam pilihan raya umum dengan majoriti 989 undi kepada Yusof Rawa.

Selepas kekalahan itu, Dr. Mahathir dipecat pula dari UMNO oleh Tunku Abdul Rahman kerana kritiknya terhadap corak kepimpinan Perdana Menteri pertama itu yang dikatakan tidak banyak membantu ekonomi orang Melayu.

Pergerakan Dr. Mahathir selepas itu sentiasa diperhatikan oleh pihak kerajaan kerana bimbang kritikan beliau terhadap kepimpinan Tunku Abdul Rahman akan mempengaruhi rakyat.

Senario itu berterusan sehinggalah Ketua Polis Daerah Butterworth pada waktu itu, Datuk Zaman Khan diarah oleh pegawai atasannya untuk menangkap pemimpin muda yang dikatakan sedang rancang mengatur sesi ceramah untuk para pengikutnya di daerah tersebut.

Zaman yang juga bekas Ketua Pengarah Penjara berkata, Dr. Mahathir selalunya akan ditemani oleh seorang lagi pemimpin UMNO, Suleiman Palestin ketika berceramah di Butterworth.

"Pada suatu hari, saya dalam diam-diam mengekori mereka dengan sebuah kereta dan tiba di suatu kawasan, saya terus membunyikan hon bagi memaklumkan yang pergerakan mereka sedang diperhatikan.

"Suleiman yang mengenali saya terus mengangkat tangan dan beredar dari situ, sejak itu saya tidak pernah lagi berjumpa Dr. Mahathir sehinggalah saya dilantik sebagai Ketua Polis Kuala Lumpur dan beliau pula menjadi Perdana Menteri pada awal tahun 80-an," katanya.

Menurut Zaman, hubungannya dengan Dr. Mahathir semakin rapat apabila beliau dilantik sebagai Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman. ngambil berat masalah keselamatan negara dan akan memanggilnya jika terjadi sesuatu kes jenayah besar.

Antaranya sewaktu kejadian pembunuhan melibatkan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batu Talam, Datuk Mazlan Idris pada tahun 1993.

Zaman berkata, dia dan sepasukan anggota polis bersama Menteri Besar Pahang ketika itu, Tan Sri Khalil Yaakub berjaya menemui mayat Mazlan yang ditanam dalam satu lubang di sebuah stor dengan keadaan dikerat 18 bahagian.

Beliau kemudian menghubungi pegawai pengiring (ADC) Dr. Mahathir untuk memaklumkan mengenai kejadian itu, tetapi pegawai tersebut memintanya bercakap terus dengan Perdana Menteri.

"Zaman, adakah awak pasti itu mayat Datuk Mazlan?" tanya Dr. Mahathir yang ketika itu sedang menghadiri satu majlis rasmi di Perak.

"Betul Datuk Seri, Tan Sri Khalil pun ada di sebelah saya untuk mengesahkannya," jawab saya.

Menafikan

Selepas itu, kata Zaman, Dr. Mahathir bertanya kepadanya sama ada kes tersebut ada kaitan dengan orang politik.

Beliau kemudian menafikan perkara tersebut dan menerangkan kepada Dr. Mahathir yang pembunuhan itu disebabkan oleh satu sindiket penipuan.

Seperkara lagi menurut Zaman, Perdana Menteri juga tidak 'gelabah' sewaktu dimaklumkan mengenai kes penculikan yang membabitkan seorang doktor dan seorang pembantu perubatan oleh beberapa orang banduan di Penjara Pudu tidak lama dahulu.

Dr. Mahathir sebaliknya meminta beliau supaya mengendalikan kes tersebut dengan sebaik mungkin bagi mengelakkan sebarang pertumpahan darah.

"Lagipun yang diculik itu orang Melayu manakala yang menculik pula orang Cina, oleh itu beliau tidak mahu orang ramai mengaitkan peristiwa itu dengan masalah perkauman," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau turut terhutang budi kepada Dr. Mahathir yang berjaya memujuk hatinya yang 'tercalar' berikutan kes Highland Towers beberapa tahun dulu.

Di sebalik kisah sedih yang menimpa keluarga mangsa runtuhan kondominium tersebut, Zaman turut menyimpan kisah dukanya yang tersendiri apabila beliau ditukarkan ke Jabatan Penjara.

Sebelum itu khabar angin bertipu

kencang menyebut beliau bakal menduduki kerusi Timbalan Ketua Polis Negara yang kosong tidak lama selepas peristiwa itu berlaku.

Kata Zaman, sewaktu kejadian kondominium runtuh tersebut, ada 'pihak' yang menuduhnya cuba menjadi jaguh dan gilakan publisiti ketika beliau terlibat dalam kerja-kerja mencari dan menyelamatkan kes berkenaan.

"Mengenai pertukaran mengejut itu, saya sebenarnya sedang bermain golf di Bangkok, Thailand apabila pegawai kedutaan memaklumkan yang Dr. Mahathir hendak berjumpa saya dengan segera di pejabatnya.

"Dengan pakaian golf itu jugalah saya 'terbang' ke Kuala Lumpur dan berjumpa dengan beliau pada keesokan harinya," kata Zaman.

Rupa-rupanya pertemuan itu berakhir dengan kekecewaan apabila Dr. Mahathir memintanya bertukar jawatan.

"Beginilah, saya minta kerjasama Datuk untuk menyandang jawatan Ketua Pengarah Penjara, pun begitu itu hanyalah jawatan pinjaman dan Datuk tetap pegawai polis," kata Dr. Mahathir

sewaktu memanggilnya ke pejabat beliau.

Menurut Zaman, beliau yang terkilan dengan situasi itu kemudian meminta sedikit masa untuk memikirkan tawaran tersebut dengan ahli keluarganya dan bekas 'bos'nya sendiri, Tun Hanif Omar yang ketika itu sudah pun bersara daripada jawatan Ketua Polis Negara.

Beliau juga berjanji kepada Dr. Mahathir untuk menemuinya semula di pejabat sebaik sahaja beliau membuat keputusan sama ada menolak atau menerima jawatan baru tersebut.

Sedih

Zaman seterusnya memberitahu, setelah mendengar berita 'sedih' itu, beliau mula terfikir untuk bersara.

Bagaimanapun Hanif telah meminta Zaman menimbangkan kembali keputusan yang dibuat serta meminta beliau akur dengan permintaan Perdana Menteri itu.

"Kalau difikirkan kembali, adalah satu penghormatan yang besar bila Dr.

Mahathir masih sudi memanggil saya untuk berbincang mengenai jawatan tersebut sedangkan kalau diikutkan, beliau tidak perlu sebenarnya untuk berbuat demikian," kata Zaman.

Walaupun begitu, beliau masih tidak pergi berjumpa dengan Dr. Mahathir untuk memaklumkan keputusannya sehinggalah pada suatu hari apabila Timbalan Menteri Dalam Negeri ketika itu, Datuk Megat Junid Megat Ayob menegur kedegilannya itu.

"Zaman, berani kamu tak pergi jumpa Datuk Seri ya, baik kamu pergi sekarang sebab Datuk Seri menelefon saya bertanyakan hal tersebut," kata Megat Junid kepada Zaman.

Mendengarkan perkara itu, Zaman terus ke pejabat Dr. Mahathir bagi memaklumkan keputusannya untuk menerima tawaran sebagai Ketua Pengarah Penjara.

"Saya takut juga masa tu kalau-kalau Dr. Mahathir marah sebab saya tak pergi jumpa beliau lebih awal, nasib baiklah beliau langsung tidak membangkitkan perkara tersebut sewaktu kami bertemu," kata Zaman



ZAMAN KHAN banyak kenangan dengan Dr. Mahathir.

sambil tersenyum.

Selain itu, Dr. Mahathir juga tidak lupa untuk memberikan penghargaan dan ucapan tahniah apabila polis mencapai sesuatu kejayaan menumpaskan penjenayah, contohnya sewaktu Kalimuthu @ Bentong Kali ditembak mati suatu ketika dulu.

"Disebabkan itulah saya secara pribadi terhutang budi kepada beliau walaupun 34 tahun dulu saya sendiri hampir-hampir memasukkannya ke dalam penjara," kata Zaman.